

23/06/1997

80 pelajar baru USM adakan lawatan

SERAMAI 80 pelajar baru Universiti Sains Malaysia (USM) mengadakan program lawatan bagi memberi penghormatan kepada dua tokoh negara iaitu Perdana Menteri Malaysia yang pertama, Almarhum Tunku Abdul Rahman Putra Al Haj dan Perdana Menteri sekarang, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Pengarah program itu, Ku Noor Azian Ku Azizan, berkata program pertama lawatan ke rumah kelahiran Dr Mahathir dan program kedua ziarah ke Makam Diraja. Kunjungan mereka disambut oleh Jabatan Arkib Negara Cawangan Kedah.

Menurutnya, pelajar berkesempatan bertemu abang dan dua kakak Dr Mahathir iaitu Mahshor, Habsah, Rafeah dan bekas gurunya Omar Muhamad serta bekas rakannya Othman Bakar.

Beliau berkata, satu majlis ramah mesra diadakan dan pelajar berkesempatan mendapat maklumat mengenai Dr Mahathir ketika masih kecil, bersekolah di Sekolah Melayu Seberang Perak, zaman remaja dan sewaktu bertugas sebagai doktor kerajaan.

Sementara itu, abang Dr Mahathir, Mahshor Mohamad berkata, lawatan pelajar itu adalah kali pertama dilakukan oleh pihak institusi pengajian tinggi di negara ini.

"Saya berasa bangga di atas lawatan ini kerana pelajar USM telah mengatur program yang boleh menyemarakkan lagi anak-anak muda Malaysia untuk menghayati ciri-ciri seorang pemimpin negara," katanya.

Ku Noor Azian berkata, rombongan USM kemudiannya mengunjungi Makam Diraja Langgar, Alor Star, Kedah bagi menziarahi Makam Almarhum Tunku Abdul Rahman Putra.

Timbalan Pendaftar USM, Anuar Mohamad Noor, berkata program menziarahi makam Tunku Abdul Rahman adalah sebagai usaha untuk menzahirkan kepada masyarakat bahawa generasi muda hari ini ingin memberi penghormatan dan mengenang jasa pemimpin yang berkorban bagi kemerdekaan negara.

"Pelajar patut membalas budi pemimpin yang telah merancang dan meletakkan asas pembangunan negara sejak 40 tahun lalu," katanya.

Beliau berkata, kehadiran pelajar USM di Makam Tunku Abdul Rahman akan menjadi simbol baru kepada mereka untuk membina semangat dan sahsiah di samping memupuk akhlak mulia dengan sentiasa mengingati pemimpin baru dan lama.

Acara lawatan di Makam Diraja dimulakan dengan bacaan tahlil, kenduri bersama penduduk kampung dan penerangan tentang sejarah makam oleh tokoh sejarah negeri Kedah Wan Shamsuddin Yusof.

Pelajar baru yang mengikuti program ini gembira dengan usaha Jabatan Hal Ehwal Pelajar (HEP) USM.

Mereka dapat menyaksikan Makam Diraja yang telah berusia 800 tahun di samping mendidik mereka menghadiahkan bacaan al-Quran kepada pemimpin berjasa selain menimbulkan kesan mendalam terhadap diri pelajar.

(END)